

**PENUTUP**

## PENUTUP

### KESIMPULAN

Kemunculan awal nasionalisme di Eropah berasaskan perjuangan bangsa untuk membebaskan sistem pemerintahan daripada belenggu gereja yang dikenali juga sebagai sekularisasi. Ideologi ini dikatakan berkembang pesat di negara-negara Timur Tengah selepas kejatuhan khilafah *'Uthmāniyyah* Turki pada akhir kurun ke-19. Umumnya, nasionalisme yang meletakkan kedaulatan bangsa, ekonomi dan negara di puncak kesetiaan secara mutlak bercanggah dengan ajaran Islam. Akibat penerapan ideologi yang begitu kuat di negara-negara Arab, al-Syahīd Hasan al-Banna telah mengemukakan suatu kaedah bertoleransi dengan golongan nasionalis dalam perkara-perkara yang tidak bercanggahan dengan akidah Islam. Kaedah ini juga bertujuan untuk menarik kaum muslimin yang terpengaruh dengan ideologi tersebut agar kembali semula ke jalan yang benar. Meskipun begitu, pelaksanaan kaedah tersebut tertakluk kepada suasana dan budaya masyarakat setempat.

Pada tahap seterusnya, nasionalisme sering dikaitkan dengan imperialisme dan kolonialisme yang melibatkan peperangan dan penaklukan serta bermotifkan penguasaan ekonomi dan perdagangan rempah di rantau Asia Tenggara. Lantaran ini, muncul semangat nasionalisme di kalangan anak-anak watan yang dijajah untuk bangkit menentang sebarang bentuk penjajahan ke atas tanahair mereka. Situasi ini menyebabkan teretusnya pertembungan antara dua aliran nasionalisme, iaitu;

- i) Nasionalisme yang timbul di kalangan rakyat dalam sesebuah negara yang dilabelkan sebagai negara penjajah.
- ii) Nasionalisme yang muncul dikalangan rakyat dalam sesebuah negara yang dijajah.

Dalam konteks pengenalan, nasionalisme didefinisikan dengan pelbagai pengertian. Antaranya ialah patriotisme atau semangat cintakan tanahair. Dalam pada itu, dua tokoh pemikir Islam, Professor Ismāil al-Fārūqī dan Muhammad Iqbal menolak nasionalisme dengan alasan bahawa ideologi tersebut mempunyai unsur-unsur rasisme yang boleh mendorong ke arah perpecahan di kalangan umat Islam. Namun pada masa yang sama mereka menerima patriotisme. Penolakan nasionalisme dan penerimaan patriotisme oleh kedua orang tokoh ini membuktikan bahawa mereka tidak bersetuju nasionalisme didefinisikan sebagai patriotisme. Nasionalisme juga sering disama ertikan dengan *'asabiyyah* sebagai dua elemen yang sama dari segenap segi. Namun apa yang penting dan harus difahami ialah; Nasionalisme dan *'asabiyyah* merupakan dua unsur yang sama tetapi tidak serupa. Kedua-duanya menjelaskan tentang dua status kelompok yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Dengan kata lain, *'asabiyyah* merupakan kewujudan kelompok kecil yang berauthoriti dalam kelompok yang lebih besar seperti kelompok Islam, pragmatisme, nasionalisme, komunisme, liberalisme, kapitalisme dan sebagainya. Dalam perkembangan politik semasa, skop pengertian *'asabiyyah* merupakan unsur kedua penting dalam pembentukan sistem pemerintahan selepas unsur agama. Sekiranya unsur-unsur *'asabiyyah* tersebut begitu keterlaluan hingga mengatasi dan melampaui had-had yang ditetapkan oleh syarak, kezaliman kemungkinan akan

berlaku. Begitu juga halnya dengan perkembangan ideologi nasionalisme. Sehubungan ini penulis berpendapat, harus hukumnya meletakkan unsur-unsur *'asabiyyah* dan nasionalisme sebagai mekanisme dalam menyempurnakan urusan-urusan positif seperti penubuhan sebuah negara berasaskan akidah dan syariat. Malah wajib diperalatkan jika unsur-unsur tersebut merupakan satu-satunya kaedah yang terbaik pada suatu masa tertentu bagi tujuan tersebut. Namun haram jika unsur-unsur *'asabiyyah* dan nasionalisme digunakan bertujuan menentang pembentukan sesebuah negara Islam. Pendapat ini berdasarkan kepada kesimpulan *sīrah* Rasulullah dan beberapa teori pemikiran, iaitu;

- i) Rasūlullah dan para sahabat pernah mendapat bantuan dan sokongan daripada *Banī Hāsyim* dan *Banī Abd al-Muttalib* atas dasar *'asabiyyah* yang diperalatkan bagi menegakkan kalimah tawhīd “*Lā ilāh illa Allah Muhammad Rasūlullah*”.
- ii) Pandangan Ibn Khaldūn yang mengutamakan gandingan antara agama dan *'asabiyyah* terutamanya pada peringkat permulaan bagi mewujudkan serta mengukuhkan status sesebuah negara.
- iii) Pandangan al-Syahīd Hasan al-Banna yang sentiasa mencari titik persamaan antara ideologi tersebut dengan tuntutan syarak tanpa menolak nasionalisme secara total. Pada masa yang sama beliau juga mengingatkan kewajiban umat Islam meninggalkan istilah nasionalisme dengan tidak memperjuangkannya.
- iv) Berdasarkan keadah *usūl-fiqh*, *الزمان والمكان والأحوال*, *الحكم يتغير بتغير الزمان والمكان والأحوال*, iaitu; hukum berubah/ tidak tetap dengan berubahnya masa, tempat dan suasana.

Di Malaysia, tarikh kemunculan nasionalisme Melayu menimbulkan perselisihan pendapat antara para sarjana. Perselisihan ini terbahagi kepada dua pendapat:

- i) **Pendapat pertama:** perkembangan nasionalisme dikatakan muncul dalam sekitar tahun 1906M melalui para ulamak muda yang berkelulusan dari Timur Tengah. Disusuli pula dengan peringkat sosial dan ekonomi dari sekitar tahun 1926M. Kemudiannya, nasionalisme dikatakan berada dalam ruang lingkup politik kepartian mulai tahun 1937M hingga kini.
- ii) **Pendapat kedua:** nasionalisme dikatakan muncul antara tahun-tahun 1946M dan 1948M dan berkembang sehingga mencapai kemerdekaan. Pendapat kedua ini berasaskan kepada perjuangan parti-parti politik yang berusaha menegakkan bahasa Melayu sebagai unsur penting dalam pembinaan negara.

Kedua-dua pendapat ini berdasarkan maksud perkataan nasionalisme itu sendiri sebagaimana yang difahami dan dihayati oleh setiap pengkaji. Pada masa yang sama, ia menggambarkan tahap kemunculan nasionalisme yang akhirnya menuju ke arah proses pemisahan antara agama dan politik atau lebih dikenali sebagai sekularisasi. Sebagai tanda cinta kepada bangsa dan negara, beberapa item lain seperti kedudukan bahasa, bendera, tugu dan lagu kebangsaan turut diserapkan dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui perantaraan ideologi politik parti pemerintah.

Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Umumnya, corak pemerintahan demokrasi merupakan kaedah yang terbaik walaupun terdapat beberapa kekurangan menurut perspektif Islam. Menurut Ibn Taimiyyah, kaedah atau sistem pemerintahan Islam tidak semestinya sama sebagaimana yang dijalankan di zaman Rasulullah, sistem *khalifah* atau mana-mana sistem monarki. Ini kerana zaman-zaman tersebut telah berlalu dan motif utama pemerintahan ialah menegakkan sebuah negara berlandaskan akidah dan syariat Islam bersesuaian dengan peredaran zaman dan situasi setempat. Sehubungan ini, al-Mawdūdī berpendapat; sistem pemerintahan Islam merupakan gabungan serta jalinan antara teokrasi (*theocracy*) dan demokrasi. Jalinan antara kedua-duanya adalah penting bagi menjamin setiap pemerintahan sentiasa berada dalam lingkungan akidah dan syariat Islam.

Pemerintahan demokrasi lebih memberi penekanan terhadap suara majoriti rakyat dalam membuat keputusan sama ada positif atau negatif. Suara rakyat disalurkan melalui parti-parti politik yang ditubuhkan berdasar ideologi perjuangan masing-masing serta menawarkan corak perkhidmatan mengikut kehendak pelbagai lapisan rakyat. Antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah menjaga kepentingan bangsa Melayu dan juga bangsa-bangsa lain yang wujud di Malaysia. Lantaran ini, isu bangsa sering dijadikan modal oleh mana-mana parti politik dalam usaha meraih sokongan rakyat. Suara rakyat akan disalurkan melalui dua proses pemilihan yang diwujudkan dalam proses pilihanraya, iaitu pemilihan wakil Dewan Rakyat (Parlimen) dan pemilihan wakil Dewan Undangan Negeri. Majoriti suara menerusi pemilihan wakil Parlimen akan membentuk sebuah kerajaan pusat. Manakala majoriti suara menerusi pemilihan wakil

Dewan Undangan Negeri pula akan membuka peluang untuk membentuk sebuah kerajaan negeri. Bagi menyelaraskan dua bidang kuasa ini, sistem federalisme diwujudkan. Federalisme melibatkan beberapa pengagihan bidang kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Disamping itu, penyelarasan tanggungjawab mengikut agihan bidang kuasa perlu bagi mengeratkan hubungan antara kedua-duanya terutama sekali apabila melibatkan dua kuasa pemerintahan yang berlainan ideologi. Dalam pada itu juga, sistem berbilang parti turut diwujudkan. Ia bertujuan membentuk sebuah kerajaan gabungan yang dibina atas dasar toleransi antara pihak-pihak yang terbabit.

Rakyat Kelantan hidup dalam suasana masyarakat majmuk sebagaimana di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia. Suasana ini memberi peluang bagi orang-orang Melayu untuk saling berinteraksi dan berkongsi idea dengan kaum-kaum lain dalam setiap urusan harian mereka. Proses mencari titik persamaan antara pelbagai kaum menjadi alasan untuk bersatu di bawah satu rumpun kekuatan politik yang jitu. Sehubungan dengan proses ini, muncul tiga kelompok yang sentiasa berusaha menarik minat orang awam bagi menyertai kelompok mereka, iaitu;

- i) Golongan muslimin yang mencari titik persamaan dengan golongan nasionalis dari segenap aspek kehidupan tanpa membelakangi syariat Islam dan meletakkan faktor akidah sebagai titik pemisah antara mereka.
- ii) Golongan nasionalis yang mencari titik persamaan dengan golongan muslimin dalam segenap aspek kehidupan yang dianggap tidak bercanggah dengan kehendak hawa nafsu serta tidak melanggar hak asasi

manusia walaupun ia bercanggah dengan syariat dan akidah Islam.

- iii) Golongan nasionalis agama (*muslim nationalist*) yang wujud dalam salah satu daripada dua golongan yang tersebut di atas dan berperanan sebagaimana mereka.

Dari sudut budaya berpolitik, sokongan rakyat terhadap parti-parti politik di Kelantan tidak pernah tetap dan mutlak serta mengikut peredaran zaman. Kesemua ini bergantung kepada penerimaan rakyat terhadap tahap pelaksanaan dasar sesebuah parti yang memerintah. Pergolakkan politik di Negeri Kelantan merupakan suatu fenomena yang menarik. Umumnya, rakyat Kelantan merupakan rakyat yang unik serta berani dalam membuat keputusan. Berdasarkan keputusan pilihanraya tahun 1959M-1999M, rakyat Kelantan sanggup menukar sesebuah kerajaan yang mereka rasa tidak layak lagi untuk mentadbir negeri tersebut. Antara perkembangan menarik yang berlaku dalam senario politik di Kelantan ialah kerjasama antara PAS dan parti-parti yang berideologikan nasionalisme. Jelasnya, perjuangan nasionalisme berdasarkan politik kepartian melalui sistem parti-parti kompenan pada hakikatnya tidak bersifat memihak kepada satu rumpunan kaum atau bangsa sama ada Melayu, Cina dan sebagainya secara mutlak. Malah ia tertakluk kepada segala tuntutan serta dasar sesebuah parti yang ditubuhkan.



Pada peringkat pertama, prinsip kerjasama ini wujud antara PAS dan Barisan Nasional yang akhirnya berubah menjadi mimpi ngeri bagi pihak PAS. Dalam peringkat kedua pula, prinsip kerjasama ini wujud antara PAS dan CCC (*Chinese Consultative Council*) yang merupakan landasan pertama bagi merapatkan hubungan kemasyarakatan antara PAS dan masyarakat bukan Islam (*non-muslims*). Disusuli peringkat ketiga, prinsip kerjasama wujud antara PAS dan Parti Semangat 46 yang bergabung tenaga dalam Angkatan Perpaduan Ummah. Hasil pergabungan ini, PAS dapat kembali semula berkuasa di Negeri Kelantan. Manakala dalam peringkat keempat, kerjasama dalam konsep pemerintahan berbilang parti ini wujud antara PAS dan Parti Keadilan Nasional yang juga merupakan parti serpihan UMNO. Kerjasama dalam peringkat ini dianggap sebagai pembawa tuah kepada PAS untuk terus berkuasa di Kelantan serta memperluas dan menyebarkan ideologi perjuangannya di negeri-negeri lain.

Dalam meneliti pengaruh nasionalisme dalam masyarakat Melayu di Kota Bharu, beberapa borang soal selidik telah diajukan kepada para responden secara rambang. Didapati nasionalisme merupakan fahaman dan semangat yang dikaitkan dengan parti-parti politik yang berada dalam medan perang isu dan propaganda. Manakala corak kehidupan ekonomi, pegangan agama dan sistem pendidikan mereka berada dalam ruang lingkup ideologi politik kepartian yang berasaskan kepada sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Justeru dalam mempertahankan fahaman masing-masing, unsur-unsur *'usabiyah* dijadikan mekanisme dalam mencapai sesuatu visi menerusi sesuatu misi yang tertentu.

## Saranan Penulis

Meskipun Negeri Kelantan sudah terkenal dengan jolokan Serambi Mekah, beberapa langkah-langkah perlu dipergiatkan dan diperkemaskinikan dari masa ke semasa. Sehubungan ini, suatu persidangan Kota Bharu Bandar Raya Islam 2005 telah diadakan. Persidangan yang bertempat di Hotel Perdana Kota Bharu ini bertujuan untuk membincangkan tentang prestasi bandar Kota Bharu dari segenap segi yang selaras dengan kehendak Islam. Walau bagaimanapun, persidangan ini bukanlah bertujuan untuk mencari kelemahan serta mendedahkan keburukan Kota Bharu dan warganya. Malah, penulis berpendapat Bandar Kota Bharu dan warganya tetap utuh di tangga pertama jika dibandingkan dengan bandar-bandar lain di seluruh Malaysia. Segala saranan yang dibentang ini merupakan suatu langkah ke arah pengemas kini agar struktur bandar dan penghuninya akan menjadi lebih teratur dan diredei oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*. Antaranya proses memerangi gejala sosial dikalangan remaja. Ia merangkumi beberapa peraturan dan etika berpakaian menurut perspektif Islam dan proses kemurnian serta pemulihan akhlak mengikut konsep *amal makrūf* dan *nahī mungkar*. Dalam hal ini, penulis menyarankan agar;

- i) Pihak Berkuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu sentiasa berusaha menganjur dan memperbanyakkan lagi seminar-seminar khususnya bagi para suami dan ibubapa tanpa mengira kaum, salsilah keturunan dan fahaman politik dalam usaha menangani masalah gejala sosial dikalangan remaja.

- ii) Berusaha memperbanyak serta mempertingkatkan lagi majlis-majlis ilmiah berbentuk kerohanian (*spiritual*) dan kem bina diri bagi mempertingkatkan tahap keilmuan golongan remaja. Usaha ini juga hendaklah merangkumi penjelasan tentang pengertian antara hak asasi manusia dan tuntutan syarak.
- iii) Merujuk kepada *Ijmā'* ulamak dan juga *ijtihad* kotemporari (semasa) dalam perkara yang tidak diterangkan dengan jelas ataupun tidak diterangkan langsung didalam *Al-Qurān* dan *al-Hadīth*. Ini termasuklah penetapan serta penyelarasan hukuman seperti mengenakan denda ataupun kompoun kepada mereka yang enggan mematuhi syarat-syarat selepas di perjelaskan dalam seminar atau forum-forum terbuka.
- iv) Menubuhkan institusi *hisbah* atau yang seumpamanya sebagai titian bagi menegakkan *amal ma'rūf* dan mencegah kemungkaran.

Sebagai penutup, sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah *usūl al-fiqh*:

ما لا يدرك كله لا يترك كله

Keutamaan mendahulukan tugas yang lebih penting merupakan suatu tuntutan syarak. Sekiranya tugas tersebut terhalang atau sukar untuk dilaksanakan, ia bukan merupakan alasan untuk meninggalkan segala tugas yang lain.